

28 JUN 1996

Rencana Bernama

"NIKO" GAMIT PELANCONG KE PULAU PERHENTIAN

Oleh: NODIN MOHADI

KUALA BESUT: Ia bukan seorang gadis ayu berketurunan Jepun. Namun, gelagatnya yang manja dan sentuhan jari jemarinya yang lembut menjadikan "Niko" satu lagi daya tarikan pengunjung ke Pulau Perhentian yang sememangnya kaya dengan keindahan dan keunikan alam semula jadi.

Niko sebenarnya ialah seekor tupai hutan yang mendiami di sebatang pokok ru berhampiran Pelangi Teluk Dalam Chalet di Pulau Perhentian Besar, salah satu daripada rangkaian dua buah pulau utama yang membentuk pulau destinasi pelancongan yang kian terkenal itu.

Walaupun Niko bukan tupai peliharaan, kejinakan dan gelagatnya setiap kali dikunjungi pelancong seolah-olah menunjukkan dia juga ingin memainkan peranan menyambut kedatangan tetamu ke pulau peranganan itu.

Apabila dihampiri, Niko akan melompat turun dari dahan pokok dan berlari-lari di atas bahu atau belakang pengunjung atau menjilat-jilat jari dan tapak tangan mereka tanpa takut-takut.

Kehadiran Niko kini dianggap oleh pengusaha-pengusaha pelancongan di situ sebagai satu aset sampingan yang mungkin boleh membantu mempromosi Pulau Perhentian, yang telahpun diiktiraf sebagai salah sebuah daripada 10 buah pulau peranganan tercantik di dunia.

Pulau Perhentian sewajarnya menerima pengiktirafan itu kerana keindahan semula jadinya yang bebas dari pencemaran, termasuk pasir pantainya yang putih bersih, rimbunan hutan yang menghijau, air laut yang biru jernih dan udara yang menyegarkan.

Secara umum, kedua-dua pulau utama yang membentuk gugusan itu iaitu Pulau Perhentian Besar dan Pulau Perhentian Kecil mempunyai segala ciri sebuah destinasi yang menjadi idaman pelancong dari seluruh dunia.

Namun begitu, Pulau Perhentian Besar yang meliputi kawasan seluas kira-kira 867 hektar persegi ternyata mempunyai potensi yang lebih cerah kerana Pulau Perhentian Kecil yang luasnya cuma kira-kira 525 hektar persegi telahpun didiami kira-kira 1,500 penduduk sejak turun temurun.

Kerajaan negeri Terengganu dengan kerjasama Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia (TDC) mula memberi perhatian serius kepada usaha membangunkan Pulau Perhentian Besar sebagai sebuah destinasi pelancongan pada 1989 dengan pembinaan 32 buah chalet, kebanyakannya di Teluk Pauh.

Ilham membangunkan pulau itu dicetuskan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang terpuakau dengan keunikan aslinya ketika berkunjung ke situ tidak lama dulu. Sehubungan itu, peruntukan awal sebanyak RM5 juta telah diluluskan bagi menyediakan projek-projek kemudahan asas pelancongannya.

Kini, kemudahan tempat tinggal dan riadah untuk pelancong tumbuh bagai cendawan di pulau itu.

Di antara kegiatan sampingan yang sangat digemari pengunjung pulau itu ialah menyelam, rekreasi air seperti kapal layar, berkayak, memancing, mencandat sotong, kembara di hutan tropika, berkhemah dan mengelilingi pulau dengan bot.

Beberapa buah pusat melatih pelancong yang dikendalikan oleh pakar-pakar di bidang tertentu juga telah diwujudkan bagi menyokong kegiatan-kegiatan itu, termasuk pusat latihan menyelam dasar laut di Teluk Dalam, Pulau Perhentian Besar yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Penemuan sumber daya tarikan baru seperti Gua Layang-Layang dan Sungai Mata Air yang dikenali penduduk sebagai "Air Berani" di Pulau Perhentian Besar memantapkan lagi industri pelancongan di situ.

Menurut Anggota Dewan Undangan Negeri Kawasan Kuala Besut, Datuk Wan penginapan bertaraf sederhana dan eksklusif di kedua-dua pulau itu yang dikendalikan oleh 25 pengusaha pelancongan.

Di antara kemudahan penginapan yang terdapat di pulau itu ialah D' Lagoon Resort, Coral Bay Resort, Aur Bay Resort, Chempaka Chalet, Coral View Island Resort, Perhentian Island Resort, ABC Chalet, Pelangi Teluk Dalam Chalet, Samudera Chalet dan Rumah Tumpangan Pejabat Daerah Besut.

Menurut Wan Zakaria, kadar sewa penginapan di kedua-dua pulau itu, yang terletak hanya kira-kira 22 km dari pantai Besut, sesuai untuk semua peringkat pengunjung iaitu antara RM30 dan RM280 semalam.

Katanya, Pulau Perhentian kini semakin popular sebagai sebuah destinasi pelancongan bertaraf antarabangsa, seperti yang dapat disaksikan dari perangkaan TDC yang menunjukkan bahawa 40 peratus daripada hampir 250,000 orang yang berkunjung ke pulau-pulau itu tahun lepas terdiri daripada pelancong asing, terutama dari Eropah.

Pengusaha Chalet Pelangi Teluk Dalam, Ramli Yaacob, 42, berkata keupayaan pengusaha-pengusaha menyediakan tempat penginapan yang selesa dan berpatutan menyebabkan industri pelancongan di Pulau Perhentian terus berkembang.

Menurutnya, 20 buah chalet yang diusahakannya sentiasa mempunyai penyewa, termasuk dari Jerman, Itali, Australia, Jepun dan England.

Tuanpunya Flora Chalet, Baharuddin Idris, 39, pula berkata pelancong memilih Pulau Perhentian bukan semata-mata kerana keindahan alam semula jadinya, tetapi turut tertarik dengan kegiatan-kegiatan sampingan seperti menyelam, memancing, mengembara dan melawat ke beberapa tempat menarik di pulau itu.

Seorang pelancong dari Singapura, Aminah Jamal, 35, yang terpesona dengan kecantikan taman laut yang terdapat di situ berharap kerajaan negeri Terengganu akan terus memastikan keaslian alam semulajadi di pulau itu terpelihara, walaupun ada ura-ura Pulau Perhentian Kecil akan dibangunkan sebagai sebuah pulau bebas cukai seperti Pulau Langkawi.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan yang juga anggota Parlimen Besut, Haji Idris Jusoh yakin kegiatan pelancongan di situ akan dapat memenuhi keperluan industri pelancongan masa kini di samping akan merealisasikan kempen Tahun Melawat Terengganu tahun depan.

Katanya, kerajaan akan memastikan Pulau Perhentian terus berkembang sebagai destinasi pelancongan bertaraf antarabangsa dengan melaksanakan pelbagai rancangan baru, termasuk cadangan membina sebuah landasan terbang di Pulau Perhentian Kecil dan lebih banyak hotel bertaraf lima bintang di Pulau Perhentian Besar.

Beliau berharap rancangan mengadakan perkhidmatan kapal selam kaca untuk membolehkan pelancong menikmati keindahan hidupan dasar laut di perairan pulau itu akan dapat dilaksanakan secepat mungkin.

Haji Idris juga berharap perkhidmatan bot pelancongan secukupnya dapat disediakan dari daratan ke pulau itu, lebih banyak jeti pendaratan dibina dan kecekapan sistem bekalan air tawar ke pulau-pulau itu dipertingkatkan bagi keselesaan pengunjung. -- Bernama

ND AM